

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bentuk bantuan dan jumlah insentif yang diperolehi oleh para nelayan, petani dan penternak dalam PENJANA bagi menghadapi wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020 telah memperuntukkan RM400 juta untuk melaksanakan tiga (3) inisiatif bagi menghadapi wabak COVID-19:

- a) Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5% untuk tempoh 5 tahun;
- b) Program Kebuniti / Pertanian Bandar berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50,000 untuk komuniti; dan
- c) Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menawarkan insentif penggajian kepada syarikat yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan.

Sekian, terima kasih.